

**PADAH DAN ANTARTIKA DITERIMA OLEH SIDANG KUWAIT — P**

# Malaysia berjaya dapat sokongan

UM 2 JAN 1987  
FRB

# OIC

## *Renungan*

“DAN sesungguhnya kami telah menu-runkan kepadamu ayat-ayat yang jelas dan ti-dak ada yang ingkar ke-padanya selain dari orang-orang yang fa-sik.” — Maksud Al-Quran Al-Baqarah 99.

Oleh Badrul Hisham Aziz

## **KUALA LUMPUR 1 Feb. — Malaysia** **Kberjaya mendapatkan sokongan** **Pertubuhan Negara - Negara Islam (OIC)** **terhadap perjuangan memerangi dadah** **dan isu Antartika, kata Perdana Menteri** **Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad.**

Katanya, dua perkara penting yang diperjuangkan oleh Malaysia itu diterima dan disokong oleh kesemua negara yang menghadiri sidang kemuncak OIC di Kuwait.

"Ini membuktikan bukan Malaysia sahaja berminat membuat pendirian mengenai Antartika, tetapi banyak negara yang serius mengenainya," katanya dengan gembira di sidang akhbar di Lapangan Terbang Subang sekembalinya dari India dan Kuwait. Kepulangan beliau telah disambut oleh Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba dan Menteri Kerja Raya, Datuk S. Samy Vellu. Isteri beliau Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Ali turut hadir. Perdana Menteri diiringi oleh Menteri Luar Negeri, Datuk Rais Yatim. Perdana Menteri berkata, pada umumnya dalam mesyuarat itu beliau telah menyampaikan rasa tidak puas hati Malaysia kerana

masih banyak lagi perbalahan di kalangan anggota - anggota OIC. Bagaimanapun, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata apa yang penting dalam pertemuan itu ialah ramainya pemimpin kerajaan yang berkesempatan berkumpul dan bertukar - tukar pendapat, terutamanya di kalangan pemimpin - pemimpin yang mempunyai perbezaan fahaman.

"Pertemuan ini menunjukkan satu iklim yang sihat. Di situ para pemimpin dapat berhubung semula dan dapat berusaha untuk menyelesaikan masalah," katanya.

Perdana Menteri berkata, semasa di Kuwait, beliau turut berpeluang menemui beberapa orang pemimpin Islam, termasuklah Presiden Pakistan Zia ul-Haq yang meminta supaya disampaikan pesanan penting kepada Perdana Menteri India, Rajiv Gandhi.

"Presiden Zia ul-Haq minta saya sampaikan mesej bahawa Pakistan tidak ada niat jahat terhadap India. Dan Pakistan dengan India sudah pun berunding yang pada pendapat saya hasilnya adalah baik," kata Datuk Sri Dr. Mahathir.

Ketika di New Delhi, Perdana Menteri berkata beliau berbincang mengenai hubungan dua hala serta mengenai isu dunia dengan Rajiv Gandhi secara rasmi dan juga tidak rasmi.

Katanya, mengenai masalah - masalah dunia, termasuklah mengenai penubuhan Suruhanjaya Selatan dan Tabung Afrika yang akan diwujudkan.

"Saya menyatakan Malaysia akan membantu tabung tersebut, tetapi belum lagi menetapkan dalam bentuk apa dan ia akan dibincangkan dalam mesyuarat kabinet kelak," ujar beliau. Menurut beliau, India juga memberi sokongan penuh terhadap penubuhan Suruhanjaya Selatan dan negara itu telah pun memberi sumbangan sebanyak AS\$400,000.

Katanya, pemimpin utama negara itu telah menawarkan khidmat seorang pakar ekonomi untuk suruhanjaya tersebut, tetapi terpulanglah kepada pengkerusinya Encik Julius Nyerere membuat keputusan. Perdana Menteri berkata, ketika di India, beliau juga berpeluang

## **DAPAT SOKONGAN** **UM 2 JAN 1987**

menemui beberapa orang menteri negara itu serta menghadiri ekspo hasil industri India yang mempunyai potensi perhubungan dengan Malaysia. "Dalam pertemuan itu kami membincangkan perdagangan dua hala. Beberapa tahun yang lalu perdagangan telah meningkat kerana eksport Malaysia bertambah terutamanya minyak kelapa sawit," katanya. Menurutnya, kenaikan eksport itu telah menyebabkan ketidakselimbangan dagangan, dan pertemuan di New Delhi berusaha mencari jalan untuk membeli lebih banyak barangan

India bagi mengurangkan perbezaan tersebut. Menjawab pertanyaan pemberita kemudiannya, Perdana Menteri berkata bahawa soal Proton Saga tidak dibincangkan secara rasmi, hanya sekadar menyebutnya saja.

"India sekarang mempunyai dasar untuk membuat kereta sendiri, tetapi ia ada usahasama dengan Jepun membuat komponen kereta yang dieksport ke Amerika."

"Di sinilah saya lihat ada potensi bagi Malaysia membuat usahasama dengan India," katanya.